

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemerostan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Johor

Azizi Yahaya

Jamaludin Ramli

K. Shoba a/p C. Karuppaya

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemerostan disiplin pelajar dari persepsi guru-guru disiplin dari 20 buah sekolah menengah di Johor. Seramai 200 orang responden yang terdiri daripada guru-guru disiplin dari 20 buah sekolah menengah di Johor telah dipilih secara kelompok atas kelompok. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang telah diubahsuai daripada penyidik-penyidik lepas seperti Azhar (2003), Foziah (1999) dan Jumail (1999). Instrumen soal selidik yang diubahsuai telah mendapat pengesahan daripada dua orang pensyarah UTM. Instrumen soal selidik ini digunakan untuk membuat kajian rintis bagi menguji kebolehppercayaan/ analisis kesahihan. Darjah kebolehppercayaan (alfa cronbach) bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.949. Kajian ini dianalisis menggunakan *Perisian Statistical Packages For the Social Science (SPSS) For Windows (Version 15.0)* berbentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, sisihan piawai dan min serta statistik inferensi iaitu Ujian t dan analisis varians (ANOVA). Hasil kajian menunjukkan bahawa jenis masalah-masalah disiplin iaitu rosakkan harta benda, buli, ponteng dan kurang sopan berada pada tahap yang tinggi. Kemahiran dalam mengurus disiplin dari persepsi guru disiplin pun berada pada tahap yang tinggi. Manakala dari persepsi guru disiplin keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar dan faktor kemerostan disiplin pelajar dari segi sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga dan suasana sekolah berada pada tahap yang sederhana. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan pihak sekolah bagi mengurangkan kemerostan disiplin pelajar. Peranan dan kerjasama media massa dengan pihak berkuasa penting dalam membantu menangani masalah disiplin pelajar.

(kata kunci: faktor sikap pelajar, faktor rakan sebaya, faktor keluarga, suasana sekolah, faktor guru, dan faktor persekitaran)

Abstract: The purpose of this study is to determine factors affecting the deterioration of student's discipline from the perspective of discipline's teacher from 20 secondary schools in Johore. The sample of study includes 200 discipline teachers from 20 secondary schools in Johore were chosen respondents by cluster on cluster. The data were collected using questionnaire. The instrument of this study was modified from previous researchers Azhar (2003), Foziah (1999) and Jumail (1999). The questionnaire was validated by two lecturers from UTM. The reliability (Alfa Cronbach) for this instrument used in this research is 0.949. The data in this research was analysed using *Statistical Packages For the Social Science (SPSS) For Windows (Version 15.0)*. The descriptive statistic such as percentage, frequency, means, standard deviation, inference statistic using the t- test and analysis of variance (ANOVA) were used in this researched. Results obtained shown that vandalisme, bully, truant, lack of manner and the skill in handling the discipline were in high level from the perception of discipline's teachers. This means that most of the respondent agree with the above statement. Meanwhile, in terms of training for the discipline's teachers in order to handle the problem, and deterioration factors of student's disciplines such as attitude, friends, family and school environment were in average level. As a conclusion, the Ministry of Education need to be cooperative with the school in order to reduce the students discipline deterioration. The role and cooperation from the mass media is essential in curbing the discipline problems of the students.

(Keywords: Students attitude, peer group factors, family factors, school enviroment, teachers factor, and environment factor)

PENGENALAN

Disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Ia adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat berkenaan tatatertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Perkataan disiplin merupakan satu perkara yang begitu sinonim dalam kehidupan kita seharian. Perkataan disiplin ini membawa pengertian yang begitu luas sama ada pengertian yang negatif ataupun pengertian yang positif. Walau

bagaimanapun, pengertian negatifnya yang sering menjadi tumpuan dan menjadi satu isu yang amat popular jika ia melibatkan individu atau kumpulan yang rapat dengan masyarakat.

Di sekolah, disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara. Guru adalah golongan yang perlu memberi pemupukan disiplin pelajar-pelajar berada di sekolah. Manakala ibu bapa dan masyarakat perlu memupuk disiplin semasa pelajar-pelajar berada di luar sekolah.

Datuk Dr. Abdul Hamid Othman dalam akhbar tempatan (Berita Harian: 15hb. Februari 1994) menegaskan bahawa remaja yang melepak berasal daripada masyarakat yang mendiami perkampungan bari di sekitar bandar. Suasana dalam keluarga dan masyarakat tersebut tidak wujud sifat tegur menegur atau nasihat menasihati antara satu dengan yang lain kerana mereka mempunyai sikap hidup yang tidak mahu mencampuri hal-hal orang lain.

Disiplin dan kawalan pelajar di sekolah harian adalah bersesuaian dengan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah pada sebilangan masa. Tumpuan utama para guru melihat disiplin adalah melambangkan kesungguhan dan kesediaan pihak sekolah dengan memberi penegasan yang lebih berkesan. Paling tidak, memberi suatu garis panduan mengenai masalah disiplin yang kerap berlaku di sekolah. Selain itu, bagaimana disiplin dapat dikawal oleh pihak sekolah pada setiap hari diberi bagi memelihara serta menerapkan nilai-nilai disiplin, supaya ia membantu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Pelajar

Mengikut Ee Ah Meng (1990), disiplin merupakan yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan masyarakat itu sendiri. Disiplin juga merujuk kepada cara berfikir yang tersusun dan seterusnya membawa kepada sifat rasional serta keyakinan diri seseorang itu. Masalah kemerosotan disiplin di sekolah bergantung pada individu itu sendiri. Masalah kurangnya keimanan dan daya ketahanan diri di kalangan pelajar mempercepatkan lagi pengaruh yang tidak baik masuk ke dalam diri pelajar.

Rakan sebaya di alam persekolahan adalah kumpulan rujukan pelajar yang memberikan 'sokongan moral' dalam mencari identiti diri dan pembentukan imej (Pomber, 1990; Mahmood, 1991). Rakan sebaya memberi peluang kepada mereka untuk mengikut piawai kumpulan itu dalam aspek-aspek gaya pakaian, pertuturan, orientasi kepada muzik, tarian, tayangan filem dan lain-lain. Masalahnya timbul apabila pendedahan seperti ini biasanya melibatkan nilai-nilai buruk yang membawa kepada keruntuhan disiplin dan moral mereka.

Selain itu, keluarga yang lengkap yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak mampu untuk membentuk minda yang sihat. Ini kerana kasih sayang merupakan unsur penting membantu pembentukan minda kanak-kanak. Hurlock (1992), menyatakan bahawa bayi yang kurang kesempatan untuk mendapat ungkapan kasih sayang daripada keluarga menyebabkan kanak-kanak menjadi lesu dan pasif.

Suasana sekolah juga merupakan satu faktor yang menyumbang ke arah pelajar yang tidak berdisiplin. Ahli-ahli sosiologi berpendapat tingkah laku buruk remaja dipupuk oleh keadaan sekitar yang tidak menyenangkan. Bagi pelajar, suasana yang tidak menarik menjadikan keadaan lebih buruk.

Wong Khok Seng (1996), menyatakan persekitaran yang canggih dan menarik seperti kompleks membeli belah, arked video, pusat snuker, taman-taman rekreasi, pusat-pusat hiburan

dan sebagainya, menjadi faktor tarikan utama yang menyebabkan kejadian melepak berlaku pada zaman moden ini.

Guru perlu berkebolehan menilai kebolehan dan perkembangan pelajar. Dalam hal ini, guru perlu berupaya menentukan kaedah-kaedah serta strategi-strategi yang berkesan bagi memandu pelajar-pelajar yang berbeza daripada segi kebolehan dan minat. Guru perlu mempunyai banyak pengetahuan terutama daripada segi latar belakang pelajar serta berkenaan pelajaran yang akan diajar (Logan & Logan, 1974). Guru memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin di sekolah.

Kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar dari persepsi guru disiplin. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyelidik menggunakan soal selidik bagi mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar dari persepsi guru disiplin iaitu faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran, kemahiran dalam mengurus disiplin, keperluan latihan untuk guru disiplin dan masalah-masalah disiplin.

Objektif Kajian

Ada beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan masalah kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif. Antara objektif yang hendak dicapai adalah:

1. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran di kalangan pelajar sekolah menengah dari persepsi guru disiplin
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin
3. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani masalah disiplin pelajar
4. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dari persepsi guru disiplin
5. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran mengikut jantina
6. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina
7. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara keperluan latihan untuk guru disiplin pelajar mengikut jantina
8. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah dari perspektif guru disiplin. Satu set soalan soal selidik telah disediakan bagi mengumpulkan maklumat dan data. Sampel kajian

terdiri daripada 200 responden yang dipilih secara kelompok atas kelompok dari 20 buah sekolah menengah di Johor.

Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang telah terpilih mewakili populasi guru-guru disiplin sekolah menengah di Johor. Set soal selidik mengandungi soalan-soalan tentang latar belakang guru, faktor-faktor kemerosotan iaitu, sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru suasana sekolah, persekitaran, kemahiran mengurus disiplin, keperluan latihan dalam mengurus disiplin dan masalah-masalah disiplin. Setiap maklumat telah ditakrifkan secara kuantitatif.

Satu kajian rintis juga telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian. Seramai 10 orang guru disiplin dari sekolah menengah telah di pilih sebagai sampel kajian rintis. Data analisis dengan menggunakan perisian SPSS 15.0, didapati nilai alpha Cronbach yang diperolehi mencapai 0.949.

DAPATAN KAJIAN

Faktor Sikap Pelajar Dari Persepsi Guru Disiplin

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Ke kerap an, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Sikap Pelajar (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Kadang-kadang pelajar tidak dapat mengawal perasaan	4 2.0%	25 12.5%	28 14.0%	108 54.0%	35 17.5%	3.73	0.96
Pelajar selalu mengganggu rakan sebaya ketika di dalam kelas	8 4.0%	41 20.5%	23 11.5%	95 47.5%	33 16.5%	3.52	1.11
Pelajar rajin datang ke sekolah	7 3.5%	36 18.0%	18 9.0%	132 66.0%	7 3.5%	3.48	0.95
Pelajar mudah tersinggung apabila pendapat pelajar ditolak	16 8.0%	50 25.0%	43 21.5%	70 35.0%	21 10.5%	3.15	1.15
Pelajar tidak mencapai sebarang matlamat dalam hidup pelajar	11 5.5%	54 27.0%	61 30.5%	55 27.5%	19 9.5%	3.09	1.07
Pelajar amat menghormati guru yang mengajar di sekolah	15 7.5%	60 30.0%	42 21.0%	70 35.0%	13 6.5%	3.03	1.10
Pelajar bergiat aktif di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di sekolah	13 6.5%	74 37.0%	31 15.5%	64 32.0%	18 9.0%	3.00	1.15
Pelajar merasa rendah diri kerana kurang pandai di dalam pelajaran	18 9.0%	60 30.0%	42 21.0%	66 33.0%	14 7.0%	2.99	1.13
Pelajar selalu mematuhi peraturan sekolah	19 9.5%	88 44.0%	32 16.0%	59 29.5%	2 1.0%	2.69	1.03
Pada waktu lapang pelajar akan menghabiskan masa pelajar dengan mengulangkaji pelajaran di perpustakaan sekolah	36 18.0%	94 47.0%	39 19.5%	27 13.5%	4 2.0%	2.35	0.99
Purata						3.10	1.06

Jadual 1 menunjukkan taburan faktor sikap pelajar yang menjadi faktor-faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Kadang-kadang pelajar tidak dapat mengawal perasaan” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.73 dan sisihan piawai 0.96. Bagi pernyataan “Pelajar selalu mengganggu rakan sebaya ketika di dalam kelas”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.52 dan sisihan piawai 1.11. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.10 dan sisihan piawai ialah 1.06. Ini menunjukkan tahap faktor sikap pelajar adalah sederhana..

Taburan Tahap Kemerosotan Disiplin Bagi Sikap Pelajar

Jadual 2: Tahap Kemerosotan Disiplin Mengikut Sikap Pelajar

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	12	6.0
Sederhana	168	84.0
Tinggi	20	10.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut tahap sikap pelajar. Didapati jumlah responden berada pada tahap persetujuan sederhana mempunyai responden yang paling tinggi iaitu 168 orang atau 84 peratus dan tahap persetujuan yang tinggi pula, iaitu seramai 20 orang atau 10 peratus. Manakala tahap persetujuan yang rendah mempunyai bilangan responden iaitu seramai 12 orang atau 6 peratus.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Rakan Sebaya (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Pelajar suka berjalan-jalan dengan kawan-kawan	3 1.5%	22 11.0%	8 4.0%	112 56.0%	55 27.5%	3.97	0.95
Apabila bersama kawan-kawan, pelajar merasakan bebas dan boleh melakukan apa sahaja yang pelajar minati	4 2.0%	20 10.0%	12 6.0%	115 57.5%	49 24.5%	3.93	0.94
Pelajar selalu menghabiskan masa bersama kawan	2 1.0%	32 16.0%	10 5.0%	99 49.5%	57 28.5%	3.89	1.03
Kawan-kawan pelajar suka membuat bising di dalam kelas	2 1.0%	35 17.5%	12 6.0%	102 51.0%	49 24.5%	3.81	1.03
Kawan-kawan pelajar suka mengusik pelajar lain semasa guru mengajar	8 4.0%	25 12.5%	12 6.0%	113 56.5%	42 21.0%	3.78	1.04
Pelajar merasa tenang bila duduk bersama-sama dengan kawan	2 1.0%	34 17.0%	27 13.5%	93 46.5%	44 22.0%	3.72	1.02
Pelajar tidak pernah menolak ajakan kawan	4 2.0%	45 22.5%	41 20.5%	87 43.5%	23 11.5%	3.40	1.02
Kawan-kawan banyak membantu pelajar menyelesaikan masalah	6 3.0%	45 22.5%	66 33.0%	65 32.5%	18 9.0%	3.22	0.99
Pelajar mempunyai ramai kawan yang tidak bersekolah	4 2.0%	51 25.5%	68 34.0%	55 27.5%	22 11.0%	3.20	1.01
Pelajar tidak terpengaruh apabila diajak melakukan sesuatu oleh kawan-kawan	23 11.5%	84 42.0%	30 15.0%	49 24.5%	14 7.0%	2.74	1.16
Purata						3.57	1.02

Jadual 3 menunjukkan taburan faktor rakan sebaya menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Pelajar suka berjalan-jalan dengan kawan-kawan” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.97 dan sisihan piawai 0.95. Bagi pernyataan “Apabila bersama kawan-kawan, pelajar merasakan bebas dan boleh melakukan apa sahaja yang pelajar minati”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.93 dan sisihan piawai 0.93. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.57 dan sisihan piawai ialah 1.02. Ini menunjukkan tahap faktor rakan sebaya adalah sederhana.

Jadual 4: Tahap Kemerosotan Disiplin Mengikut Rakan Sebaya

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	2	1.0
Sederhana	111	55.5
Tinggi	87	43.5
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Kemosrotan Disiplin Bagi Rakan Sebaya

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rakan sebaya. Bagi tahap persetujuan yang sederhana mempunyai jumlah responden yang paling tinggi iaitu 111 orang atau 55.5 peratus dan diikuti seramai 87 orang atau 43.5 peratus berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Manakala tahap persetujuan yang rendah, hanya seramai 2 orang atau 1 peratus.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Keluarga (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Ibu bapa pelajar sentiasa sibuk dengan tugas I mereka dan jarang berada di rumah	2 1.0%	40 20.0%	28 14.0%	79 39.5%	51 25.5%	3.69	1.09
Keluarga pelajar sering menghadapi masalah kewangan menyebabkan pelajar mengabaikan pelajaran	1 0.5%	26 13.0%	42 21.0%	101 50.5%	30 15.0%	3.67	0.90
Ibu bapa jarang bertanya dan mengambil berat tentang masalah yang pelajar hadapi	4 2.0%	38 19.0%	22 11.0%	102 51.0%	34 17.0%	3.62	1.04
Pelajar merasa bosan duduk di rumah	6 3.0%	28 14.0%	35 17.5%	101 50.5%	30 15.0%	3.61	1.00
Keluarga pelajar mengamalkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian pelajar	5 2.5%	46 23.0%	58 29.0%	58 29.0%	33 16.5%	3.34	1.08
Pelajar amat menyayangi keluarga pelajar	5 2.5%	40 20.0%	55 27.5%	87 43.5%	13 6.5%	3.32	0.95
Ibu bapa pelajar sangat mengambil berat tentang pelajaran pelajar di sekolah	6 3.0%	58 29.0%	39 19.5%	74 37.0%	23 11.5%	3.25	1.09
Pelajar sering dimarahi oleh ibu bapa	10 5.0%	38 19.0%	74 37.0%	62 31.0%	16 8.0%	3.18	1.00
Ibu bapa pelajar bersikap pilih kasih di antara adik beradik yang lain	7 3.5%	39 19.5%	81 40.5%	63 31.5%	10 5.0%	3.15	0.91
Ibu bapa pelajar sentiasa mengambil berat jika pelajar ponteng sekolah	7 3.5%	73 36.5%	40 20.0%	61 30.5%	19 9.5%	3.06	1.09
Purata						3.39	1.02

Jadual 5 menunjukkan taburan faktor keluarga pelajar menjadi faktor kemosrotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Ibu bapa pelajar sentiasa sibuk dengan tugas I mereka dan jarang berada di rumah” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.69 dan sisihan piawai 1.09. Bagi pernyataan “Keluarga pelajar sering menghadapi masalah kewangan menyebabkan pelajar mengabaikan pelajaran”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.67 dan sisihan piawai 0.90. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.39 dan sisihan piawai ialah 1.02. Ini menunjukkan tahap faktor keluarga adalah sederhana.

Jadual 5: Tahap Kemosrotan Disiplin Mengikut Keluarga

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	45	22.5
Sederhana	108	54.0
Tinggi	47	23.5

Jumlah	200	100.0
---------------	------------	--------------

Taburan Tahap Kemerosotan Disiplin Bagi Keluarga

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut tahap keluarga. Tahap persetujuan yang sederhana menunjukkan jumlah responden yang paling tinggi iaitu 108 orang atau 54 peratus. Bagi tahap persetujuan yang tinggi, bilangan responden adalah seramai 47 orang atau 23.5 peratus. Jumlah responden yang berada pada tahap persetujuan yang rendah adalah 45 orang atau 22.5 peratus.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Suasana Sekolah (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru	8 4.0%	47 23.5%	8 4.0%	102 51.0%	35 17.5%	3.55	1.15
Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar	1 0.5%	45 22.5%	24 12.0%	108 54.0%	22 11.0%	3.53	0.98
Pelajar amat gembira bersekolah di sini	3 1.5%	26 13.0%	48 24.0%	108 54.0%	15 7.5%	3.53	0.87
Suasana sekolah merupakan faktor yang mempengaruhi masalah disiplin pelajar	9 4.5%	49 24.5%	11 5.5%	111 55.5%	20 10.0%	3.42	1.10
Pelajar bergiat aktif di dalam aktiviti kokurikulum sekolah	11 5.5%	61 30.5%	15 7.5%	100 50.0%	13 6.5%	3.22	1.12
Kelas yang panas menyebabkan pelajar ponteng sekolah	19 9.5%	60 30.0%	21 10.5%	73 36.5%	27 13.5%	3.15	1.25
Kelas yang tidak cukup terang menyebabkan pelajar tidur dalam kelas	20 10.0%	64 32.0%	16 8.0%	81 40.5%	19 9.5%	3.08	1.23
Pelajar berasa tertekan dengan peraturan sekolah yang terlalu ketat	11 5.5%	87 43.5%	33 16.5%	49 24.5%	20 10.0%	2.90	1.14
Bangunan sekolah yang tidak cantik dan buruk menyebabkan pelajar tidak menjaga kemudahan sekolah	32 16.0%	69 34.5%	13 6.5%	70 35.0%	16 8.0%	2.85	1.28
Purata						3.25	1.12

Jadual 6 menunjukan taburan faktor suasana sekolah menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.25 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap faktor suasana sekolah adalah sederhana.

Jadual 7: Tahap Kemerosotan Disiplin Mengikut Suasana Sekolah

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	11	5.5
Sederhana	139	69.5
Tinggi	50	25.0
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Kemerosotan Disiplin Bagi Suasana Sekolah

Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut tahap suasana sekolah. Tahap persetujuan yang sederhana mempunyai bilangan responden yang paling tinggi iaitu 139 orang atau 69.5 peratus dan seramai 50 orang atau 25 peratus berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Bagi tahap persetujuan yang rendah, jumlah responden adalah 11 orang atau 5.5 peratus.

Jadual 8: Taburan Responden Mengikut Kekekapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Guru (N = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Sikap mesra guru dapat memberi peluang kepada pelajar mengemukakan masalah mereka	0 0.0%	8 4.0%	11 5.5%	125 62.5%	56 28.0%	4.15	0.69
Guru-guru akan merekodkan nama pelajar jika melanggar peraturan sekolah	1 0.5%	12 6.0%	5 2.5%	126 63.0%	56 28.0%	4.12	0.76
Cara guru mengajar membuat pelajar seronok datang ke sekolah	1 0.5%	17 8.5%	36 18.0%	119 59.5%	27 13.5%	3.77	0.81
Guru sering bertanya tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar	2 1.0%	25 12.5%	23 11.5%	133 66.5%	17 8.5%	3.69	0.84
Guru-guru sering memberi hukuman jika tidak dapat menyiapkan kerja rumah	5 2.5%	40 20.0%	23 11.5%	119 59.5%	13 6.5%	3.48	0.97
Guru-guru suka memberi kerja rumah yang banyak	8 4.0%	73 36.5%	30 15.0%	74 37.0%	15 7.5%	3.08	1.09
Guru yang garang menyebabkan pelajar tidak suka datang ke sekolah	19 9.5%	75 37.5%	21 10.5%	64 32.0%	21 10.5%	2.97	1.23
Guru selalu mengambil tindakan yang keras terhadap pelajar berbanding dengan kesalahan mereka	12 6.0%	111 55.5%	32 16.0%	35 17.5%	10 5.0%	2.60	1.01
Guru akan menampalkan nama-nama pelajar yang melanggar peraturan	26 13.0%	99 49.5%	24 12.0%	47 23.5%	4 2.0%	2.52	1.05
Guru jarang memberi peluang untuk bertanya soalan	34 17.0%	112 56.0%	14 7.0%	36 18.0%	4 2.0%	2.32	1.02
Purata						3.27	0.95

Jadual 8 menunjukkan taburan faktor guru menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.25 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap faktor suasana sekolah adalah sederhana.

Jadual 9: Tahap Kemerosotan Disiplin Mengikut Guru

Tahap Persetujuan	Kekekapan	Peratus
Rendah	1	0.5
Sederhana	160	80.0
Tinggi	39	19.5
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Kemosrotan Disiplin Bagi Guru

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut tahap guru. Didapati jumlah responden yang paling tinggi adalah berada pada tahap persetujuan yang sederhana iaitu 160 orang atau 80 peratus dan seramai 39 orang atau 19.5 peratus berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Manakala bagi tahap persetujuan yang rendah hanya seorang atau 0.5 peratus.

Jadual 10: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Dominan Persekitaran (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Pelajar selalu terpengaruh dengan budaya negatif dari luar melalui media massa	2 1.0%	9 4.5%	7 3.5%	110 55.0%	72 36.0%	4.21	0.79
Pelajar sering melepak di pusat membeli-belah untuk bersama rakan-rakan yang lain	6 3.0%	17 8.5%	22 11.0%	115 57.5%	40 20.0%	3.83	0.95
Pelajar selalu memperoleh maklumat terkini tentang dunia melalui media cetak dan elektronik	3 1.5%	40 20.0%	22 11.0%	83 41.5%	52 26.0%	3.71	1.11
Masyarakat selalu memandang serong terhadap pelajar jika pelajar telah melakukan kesalahan	4 2.0%	40 20.0%	31 15.5%	95 47.5%	30 15.0%	3.54	1.04
Saudara-mara di sekeliling rumah pelajar tidak pernah menasihati pelajar	5 2.5%	27 13.5%	72 36.0%	57 28.5%	39 19.5%	3.49	1.03
Pelajar sentiasa mendapat sokongan dan tunjuk ajar daripada jiran-jiran dan saudara-mara yang berpengalaman di dalam meneruskan kehidupan harian	7 3.5%	47 23.5%	61 30.5%	70 35.0%	15 7.5%	3.20	1.00
Jiran-jiran pelajar sentiasa mengamalkan sifat bantu-membantu sesama pelajar	7 3.5%	46 23.0%	68 34.0%	66 33.0%	13 6.5%	3.16	0.97
Jiran pelajar sering mengambil berat tentang masalah disiplin anak-anak tetangga mereka	9 4.5%	53 26.5%	65 32.5%	63 31.5%	10 5.0%	3.06	0.98
Purata						3.53	0.99

Jadual 10 menunjukkan taburan faktor persekitaran menjadi faktor kemosrotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.25 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap faktor persekitaran adalah sederhana.

Jadual 11: Tahap Kemosrotan Disiplin Mengikut Persekitaran

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	1	0.5
Sederhana	137	68.5
Tinggi	62	31.0
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Kemerosotan Disiplin Bagi Persekitaran

Jadual 11 menunjukkan taburan responden mengikut tahap persekitaran. Dalam tahap persetujuan yang sederhana, bilangan responden adalah paling tinggi iaitu 137 orang atau 68.5 peratus dan diikuti dengan tahap persetujuan tinggi terdiri daripada 62 orang atau 31 peratus. Hanya seorang atau 0.5 peratus berada pada tahap persetujuan yang rendah.

Jadual 12: Analisis Taburan Responden Mengikut kekerapan, peratus, Sisihan Piawai dan Min Terhadap Persepsi Guru Disiplin Terhadap Kemahiran Dalam Mengurus Disiplin (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Saya mudah bergaul dengan pelajar	1 0.5%	1 0.5%	9 4.5%	142 71.0%	47 23.5%	4.17	0.57
Saya mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik.	1 0.5%	2 1.0%	14 7.0%	129 64.5%	54 27.0%	4.17	0.63
Saya mengamalkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan mencabar	0 0.0%	4 2.0%	17 8.5%	154 77.0%	25 12.5%	4.00	0.54
Saya menjalin hubungan yang baik dengan guru bimbingan kaunseling dalam mengurus disiplin pelajar	3 1.5%	17 8.5%	14 7.0%	130 65.0%	36 18.0%	3.90	0.85
Saya ada kemahiran merancang dan mengurus kemajuan pembelajaran.	5 2.5%	13 6.5%	15 7.5%	142 71.0%	25 12.5%	3.85	0.82
Saya seorang guru disiplin yang mewujudkan pemuafakatan di kalangan pelajar bermasalah disiplin	5 2.5%	23 11.5%	34 17.0%	113 56.5%	25 12.5%	3.65	0.93
Saya mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah disiplin pelajar.	2 1.0%	42 21.0%	27 13.5%	110 55.0%	19 9.5%	3.51	0.96
Saya seorang guru disiplin yang bertauliah dan mempunyai kepakaran dalam pengurusan disiplin pelajar	14 7.0%	64 32.0%	43 21.5%	57 28.5%	22 11.0%	3.05	1.15
Purata						3.78	0.80

Jadual 12 menunjukkan taburan faktor Persepsi Guru Disiplin Terhadap Kemahiran Dalam Mengurus Disiplin menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.25 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap faktor Persepsi Guru Disiplin Terhadap Kemahiran Dalam Mengurus Disiplin adalah tinggi.

Jadual 13: Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Guru Disiplin Terhadap Kemahiran Dalam Mengurus Disiplin

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	1	0.5
Sederhana	70	35.0
Tinggi	129	64.5
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Persepsi Guru Disiplin Terhadap Kemahiran Dalam Mengurus Disiplin

Jadual 13 menunjukkan taburan responden mengikut tahap persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin. Tahap persetujuan yang tinggi iaitu seramai 129 orang atau 64.5 peratus dan tahap persetujuan yang sederhana pula mempunyai jumlah

responden seramai 70 orang atau 35 peratus. Hanya seorang sahaja atau 0.5 peratus mempunyai tahap persetujuan yang rendah.

Jadual 14: Analisis Responden Mengikut kekerapan, peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Persepsi Guru Disiplin terhadap Keperluan Latihan Untuk Guru Disiplin Dalam Menangani Disiplin Pelajar (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Saya ada panduan bagi mengatasi masalah disiplin pelajar	6 3.0%	39 19.5%	31 15.5%	101 50.5%	23 11.5%	3.48	1.03
Saya mempunyai latihan yang mencukup dalam mengurus disiplin pelajar	5 2.5%	66 33.0%	20 10.0%	102 51.0%	7 3.5%	3.20	1.02
Kursus-kursus bercorak disiplin sentiasa dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran	16 8.0%	51 25.5%	41 20.5%	79 39.5%	13 6.5%	3.11	1.11
Saya mengkaji dan memperkemas peraturan-peraturan disiplin yang sedia ada	13 6.5%	70 35.0%	16 8.0%	86 43.0%	15 7.5%	3.10	1.16
Saya memiliki kemahiran yang mantap dalam mengurus pembangunan sahsiah pelajar	7 3.5%	74 37%	34 17.0%	67 33.5%	18 9.0%	3.08	1.10
Saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam mengatasi masalah disiplin pelajar	6 3.0%	84 42.0%	40 20.0%	63 31.5%	7 3.5%	2.91	1.00
Saya selalu ke kursus pengurusan disiplin yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri	24 12.0%	96 48.0%	15 7.5%	56 28.0%	9 4.5%	2.65	1.14
Saya seorang guru disiplin yang pernah hadir taklimat dan mesyuarat disiplin peringkat daerah dan negeri	30 15.0%	93 46.5%	8 4.0%	58 29.0%	11 5.5%	2.64	1.20
Purata						3.02	1.10

Jadual 14 menunjukkan taburan faktor Persepsi Guru Disiplin terhadap Keperluan Latihan Untuk Guru Disiplin Dalam Menangani Disiplin Pelajar menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.02 dan sisihan piawai ialah 1.10. Ini menunjukkan tahap faktor Persepsi Guru Disiplin terhadap Keperluan Latihan Untuk Guru Disiplin Dalam Menangani Disiplin Pelajar adalah sederhana.

Jadual 15: Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Guru Disiplin Terhadap Keperluan Latihan Untuk Guru Disiplin Dalam Menangani Disiplin Pelajar

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	45	22.5
Sederhana	108	54.0
Tinggi	47	23.5
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Persepsi Guru Disiplin Terhadap Keperluan Latihan Untuk Guru Disiplin Dalam Menangani Disiplin Pelajar

Jadual 15 menunjukkan taburan responden mengikut tahap bagi keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar. Majoriti responden berada pada tahap persetujuan yang sederhana iaitu seramai 108 orang atau 54 peratus dan seramai 47 orang atau 23.5 peratus berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan tahap persetujuan yang rendah mempunyai jumlah responden yang paling rendah iaitu seramai 45 orang atau 22.5 peratus.

Jadual 16: Analisis Taburan Responden Mengikut kekerapan, peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Jenis masalah-masalah disiplin (n = 200)

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
Rosakkan Harta Benda	1 0.5%	18 9.0%	12 6.0%	129 64.5%	40 20.0%	3.95	0.82
Buli Pelajar Lain	0 0.0%	27 13.5%	17 8.5%	100 50.0%	56 28.0%	3.93	0.95
Ponteng	1 0.5%	24 12.0%	8 4.0%	124 62.0%	43 21.5%	3.92	0.88
Kurang Sopan	1 0.5%	29 14.5%	16 8.0%	107 53.5%	47 23.5%	3.85	0.96
Ancam Pengawas	5 2.5%	19 9.5%	32 16.0%	104 52.0%	40 20.0%	3.78	0.96
Peras Ugut	1 0.5%	29 14.5%	38 19.0%	101 50.5%	31 15.5%	3.66	0.93
Lepak di Pusat Beli-Belah	5 2.5%	29 14.5%	40 20.0%	92 46.0%	34 17.0%	3.61	1.01
Merokok	16 8.0%	25 12.5%	27 13.5%	99 49.5%	33 16.5%	3.54	1.15
Lukis Gambar di Dinding	10 5.0%	19 9.5%	32 16.0%	104 52.0%	40 20.0%	3.31	1.11
Melawan dan Pukul Guru	28 14.0%	61 30.5%	43 21.5%	53 26.5%	15 7.5%	2.83	1.19
Purata						3.64	1.00

Jadual 16 menunjukkan taburan masalah-masalah disiplin menjadi faktor kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam kelas menyebabkan pelajar suka membuat bising untuk menarik perhatian guru” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.15. Bagi pernyataan “Pelajar berasa susah untuk menumpukan perhatian pelajar di dalam kelas ketika guru mengajar”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.98. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.25 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap masalah-masalah disiplin adalah tinggi.

Jadual 4.6.2: Taburan Responden Mengikut Tahap Masalah-Masalah Disiplin

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Rendah	19	9.5
Sederhana	59	29.5
Tinggi	122	61.0
Jumlah	200	100.0

Taburan Tahap Masalah-masalah Disiplin Dari Persepsi Guru Disiplin

Jadual 17 menunjukkan taburan responden mengikut tahap masalah-masalah disiplin. Bagi tahap persetujuan min yang rendah adalah seramai 19 orang atau 9.5 peratus, manakala bagi tahap

persetujuan yang sederhana ialah seramai 59 orang atau 29.5 peratus. Majoriti responden berada pada tahap persetujuan yang tinggi iaitu seramai 122 orang atau 61 peratus.

Jadual 18: Taburan Min Keseluruhan Setiap Konstruk

Bil	Faktor Kemerosotan Disiplin Pelajar	Min
1	Sikap Pelajar	3.10
2	Rakan Sebaya	3.57
3	Keluarga	3.39
4	Suasana Sekolah	3.25
5	Guru	3.27
6	Persekitaran	3.53

Jadual 18 menunjukkan min keseluruhan setiap konstruk. Didapati konstruk bagi rakan sebaya mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.57, diikuti dengan konstruk persekitaran di mana nilai min adalah 3.53 dan konstruk keluarga dengan nilai min sebanyak 3.39. Selain itu, nilai min bagi konstruk guru adalah sebanyak 3.29 dan konstruk suasana sekolah mempunyai nilai min sebanyak 3.25. Hasil kajian menunjukkan konstruk sikap pelajar mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu 3.10.

Perbezaan faktor kemerosotan disiplin mengikut jantina

Faktor Jantina

Dalam bahagian ini, keputusan kajian dikemukakan. Kaedah statistik yang digunakan adalah Ujian-t. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor kemerosotan disiplin sekolah

Jadual 19: Ujian-t Antara Faktor Sikap Pelajar Mengikut Jantina
(Hipotesis Nol 1.1)

Jantina		Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Min Sikap Pelajar	Lelaki	88	3.04	0.49	198	0.142	1.473
	Perempuan	112	3.15	0.53			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.142 > 0.05$

Berdasarkan jadual 19, didapati nilai $p = 0.142$ menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara faktor sikap pelajar mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.142 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh yang demikian Hipotesis Nol diterima : Tiada perbezaan signifikan antara faktor sikap pelajar dengan jantina iaitu aras signifikan 0.142 melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar mengikut jantina.

Jadual 20: Ujian-t antara faktor Rakan Sebaya dengan Jantina

		Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Jantina							
Min Rakan Sebaya	Lelaki	88	3.56	0.599	198	0.962	0.048
	Perempuan	112	3.56	0.518			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.962 > 0.05$

Berdasarkan jadual 20, didapati nilai $p = 0.962$. Hipotesis Nol diterima : Tiada perbezaan signifikan antara faktor rakan sebaya mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.962 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara rakan sebaya mengikut jantina.

Jadual 21: Ujian-t antara faktor Keluarga dengan Jantina

		Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Jantina							
Min Keluarga	Lelaki	88	3.48	0.52	198	0.00	2.838
	Perempuan	112	3.31	0.31			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.00 < 0.05$

Berdasarkan jadual 21, didapati nilai $p = 0.00$. Hipotesis Nol ditolak kerana signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keluarga mengikut jantina. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan min maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keluarga mengikut jantina.

Jadual 22: Ujian-t antara faktor Suasana Sekolah dengan Jantina

		Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Jantina							
Min Suasana Sekolah	Lelaki	88	3.31	0.55	198	0.168	1.385
	Perempuan	112	3.19	0.63			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.168 > 0.05$

Berdasarkan jadual 22, didapati nilai $p = 0.168$. Hipotesis Nol diterima : Tiada Perbezaan signifikan antara faktor suasana sekolah mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.168 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara suasana sekolah mengikut jantina.

Jadual 23: Ujian-t antara faktor Guru dengan Jantina

		Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Jantina							
Min Guru	Lelaki	88	3.3716	0.50513	198	0.00	2.988
	Perempuan	112	3.1866	0.37017			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.00 < 0.05$

Berdasarkan jadual 23, didapati nilai $p = 0.00$. Hipotesis Nol ditolak kerana signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor guru mengikut jantina. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan min maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor guru mengikut jantina.

Jadual 24: Ujian-t antara faktor Persekitaran dengan Jantina

	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Min Persekitaran	Lelaki	88	3.56	0.59	198	0.285	1.071
	Perempuan	112	3.49	0.38			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.285 > 0.05$

Berdasarkan jadual 24, didapati nilai $p = 0.285$. Hipotesis Nol diterima : Tiada perbezaan signifikan antara faktor persekitaran mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.285 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor persekitaran mengikut jantina.

Jadual 25: Ujian-t antara faktor Kemahiran Mengurus Disiplin Mengikut Jantina

	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Min Kemahiran Mengurus	Lelaki	88	3.82	0.59	198	0.369	0.901
	Perempuan	112	3.75	0.38			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.369 > 0.05$

Berdasarkan jadual 25, didapati nilai $p = 0.369$. Hipotesis Nol diterima : Tiada perbezaan signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.369 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran mengurus mengikut jantina.

Jadual 26: Ujian-t antara faktor Keperluan Latihan dengan Jantina

	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	t
Min Keperluan Latihan	Lelaki	88	3.1946	0.75355	198	0.00	2.821
	Perempuan	112	2.8817	0.79798			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.00 < 0.05$

Berdasarkan jadual 26, didapati nilai $p = 0.00$. Hipotesis Nol ditolak kerana signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan antara keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar mengikut jantina. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan

terdapat perbezaan min maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keperluan latihan mengikut jantina.

Jadual 27: Ujian-t antara Masalah-masalah disiplin mengikut Jantina

	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	Sig.	T
Min Keperluan Latihan	Lelaki	88	3.43	0.85	198	0.02	-3.44
	Perempuan	112	3.80	0.66			

Aras keertian $\alpha = 0.05$, $P = 0.02 < 0.05$

Berdasarkan jadual 27, didapati nilai $p = 0.02$. Hipotesis N0 ditolak kerana signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan min maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina.

5.7 Kesimpulan

Orang Malaysia memang kaya dengan tatasusilanya. Bertiangkan agama dan bersendikan adat, kita dididik supaya menjadi insan yang berguna. Hormat orang tua, hormat guru dan hormat keluarga. Lebih mudah lagi kita juga biasa mendengar ungkapan iaitu yang tua dihormati yang muda disayangi. Malangnya, budaya kini semakin lama semakin pudar. Paling ketara, Guru atau cikgu yang dulu disanjung malah ditakuti, kini semakin tidak dihormati manakala peraturan sekolah dulu diikuti, sekarang peraturan sekolah sewenang-wenangnya diingkari. Kita dapat melihat setiap sekolah yang ada di rantau Asia ini mahupun di pelusuk dunia ini 80 peratus daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap sekolah ialah masalah disiplin iaitu gejala salah laku pelajar yang serius. Kemerostan disiplin pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah perlu dipandang serius oleh semua pihak supaya ia tidak berlanjutan. Malah sikap terbuka sesetengah sekolah yang mendedahkan kes salah laku pelajar mereka perlu dipuji dan dicontohi. Jika disorok sampai bila pun masalah ini tidak dapat diselesaikan dan para guru terpaksa berdepan dengan pelajar yang bermasalah. Peranan pihak kerajaan termasuk polis dalam usaha membendung samseng tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada ibu bapa atau pelajar itu sendiri. Walaupun guru bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan formal, tidak semestinya mereka juga bertanggungjawab memastikan semua pelajarnya tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang sekolah.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab Malek b. Harun (2002) *Kajian Tentang Masalah Disiplin Di Kalangan Pelajar-pelajar Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2002). *Guru Sebagai Pendorong dalam Darjah*. *Bacaan wajib bagi guru-guru yang mengajar murid-murid malas belajar*.

- Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Bte Mohd Noor & Iran Herman (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Selangor: Tekno Edar.
- Azhar B.Hamzah (2003). *Ponteng Sekolah dan Kesannya Terhadap Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Daerah Tanah Merah, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya. et.al. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Berita Harian (18 Ogos 2000). *Dua Cara Tingkatkan Disiplin Pelajar*. hlm. 5.
- Berita Harian (15 Februari 1994).
- Ee Ah Ming (1990). *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Foziah Binti Ab.Rahman (1999). *Masalah Ponteng Sekolah Mempengaruhi Keruntuhan Akhlak Pelajar: Satu kajian Di sekolah Men.Keb. Kuala Tembeling. Jerantut Pahang*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- How Lee Chan (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Hurlock, E.B., (1973). *Adolescence Development*. New York: Mc Graw-Hill Book Co.
- Husain Mahmud (1976). *Hubungan di Antara Masalah Kerja Dengan Tekanan Kerja Di Kalangan Operator Pengeluaran di Scan Dsiry And Food, Johor Bahru*. Projek Sarjana Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia.Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Ibrahim Saad (1997). *Ponteng Sekolah: Ponteng Sekolah Tanggungjawab Semua Pihak Dalam Ibrahim Saad (1982)*. Isu Pendidikan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Johor Bahru. satu Tinjauan. Universiti Teknologi Malaysia : True Time.
- Jumail Ahmad. (1999). *Perkaitan gaya komunikasi kepimpinan ketua guru disiplin dengan komitmen para pelajar menengah atas di sekolah-sekolah menengah dalam Bandar Daerah batu Pahat*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan* (1996). Edisi Ke-3 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan dan Pustaka* (1994). Edisi Ketiga Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hisham Zahari (2000). *Faktor-faktor yang mempengaruhi ponteng sekolah di kalangan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kuar Bandar Daerah Kuala Kangsar Perak*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd. Ismail Othman (2004). *Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Paublications

- Sdn. Bhd.
- Pomberi, et.al (1991). *The Mexican American gang member. Evaluation and Treatment*. In.R.M. Becerra, M.Karno, & J.Escabor (eds). *Mental health And Hispanic Americans: Clinal perspectives*, (p). New York: Grune & TStrattin.
- Rosnah binti Hj. Buang (2006). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala Gengsterisme di kalangan pelajar sekolah menengah di empat buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sigamoney, S. (1984). *Disiplin Sekolah, Definisi dan konsep-konsep Disiplin. Melalui Sistem Perlakuan Positif dan Perlakuan Negatif (Merit/ Demerit System)*. Pengasuh, *Jurnal akademik dan Profesyenal Maktab Sultan abu Bakar Johor Bahru*. hlm. 11-28.
- Tom V. Savage (1991). *Discipline For Self-Control*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Wong Khok Seng (1996). *Fenomena Budaya Lepak dalam Akademik keluaran khas* Hlm. 75-78.